

Pemuda gesa siasat latar belakang Elly Pamatong

UM 29 DEC 2001

KUALA LUMPUR 28 Dis.
— Pergerakan Pemuda
UMNO menggesa kerajaan menyiasat latar belakang Elly Pamatong yang mendakwa dirinya sebagai peguam yang mewakili bekas Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao, Nur Misuari.

Ketua Penerangan pergerakan itu, Azimi Daim berkata, tidak ada pengesahan atau bukti yang menunjukkan Pamatong sebagai peguam kepada pemimpin Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) itu.

“Kita minta kerajaan menyiasat terlebih dahulu siapa Pamatong sebelum bebas mengeluarkan sebarang kenyataan berhubung Misuari.

“Kita tidak mahu Malaysia dilihat terlalu ber-simpati dengan nasib Misuari kerana melayan Pamatong,” katanya kepada Utusan hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Pamatong semalam yang mencadangkan kerajaan Malaysia membenarkan enam anak Misuari yang kini menetap di Arab Saudi melawat bapanya di sini.

Pada 18 Disember lalu, Pamatong meminta Malaysia membenarkan perlindungan politik sementara kepada bekas gabenor itu sehingga dia dihantar ke negara ketiga.

Pamatong juga dilaporkan menulis surat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bagi meminta lebih masa ekoran tarikh akhir diberikan pada 24 Disember lalu untuk menghantar pulang Misuari agak suntuk.

Mengulas lanjut, Azimi berkata Pamatong belum

berhak untuk mempengaruhi kerajaan Malaysia sehingga identitinya sebenar dikenal pasti oleh kerajaan.

Sehubungan itu, beliau berharap kerajaan tidak mudah terpengaruh dengan pelbagai permintaan yang disuarakan oleh Pamatong yang mewakili Misuari.

“Siapa Pamatong untuk mempengaruhi kerajaan Malaysia dengan cuba mendapatkan keistimewaan Misuari di negara ini,” tegasnya.

Menurutnya, hubungan diplomatik antara Malaysia dan Filipina akan terjejas sekiranya kerajaan terlalu melayan kehendak Pamatong.

“Kita tidak mahu Filipina menganggap Malaysia sengaja melengah-lengahkan penghantaran pulang Misuari,” katanya.

Azimi menambah, kepentingan antara kedua-dua negara adalah lebih utama berbanding kepentingan Misuari.